




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **117 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **56,023 kes**. Empat (4) kes kematian direkodkan hari ini iaitu tiga (3) di daerah Tawau dan satu (1) Nabawan. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 78 menjadikan jumlah kumulatif 54,704 orang. Seramai 814 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 328 orang di hospital dan 486 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 47 orang dan 15 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Nabawan bertukar dari zon kuning ke zon jingga.

- #### 4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah enam (6) daerah
 - Zon Jingga tiga (3) daerah
 - Zon Kuning 14 daerah
 - Zon Hijau empat (4) daerah

- 5 **Terdapat dua (2) kluster** baharu direkodkan hari ini.
- i Kluster Tabanak di Lahad Datu mencatatkan tujuh (7) kes baharu positif COVID-19 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 15 kes. Kes indeks merupakan lelaki, berusia 39 tahun yang disahkan positif hasil saringan bergejala di klinik kesihatan pada 09 April 2021. Susulan kes itu, ahli keluarga dan kontak rapat kepada kes indeks telah menjalani saringan. Daripada 88 orang disaring, 14 orang lagi dikesan positif, 27 orang negatif saringan pertama dan 47 orang masih menunggu keputusan. Berdasarkan maklumat lanjut, kes indeks telah menghadiri kenduri arwah pada 30 Mac 2021 di Kg Tabanak. Semua 15 kes positif ini telah dirujuk ke Hospital Lahad Datu untuk rawatan dan pengasingan di PKRC Lahad Datu. Kontak-kontak rapat telah diarahkan untuk menjalani kuarantin di pusat kuarantin PPR Sri Sepagaya, Lahad Datu.
- ii Kluster Kg Gayang di Tuaran pada hari ini menambah 2 kes baharu menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 23 kes. Kes indeks merupakan lelak, 69 tahun dari Kg Gayang yang disahkan positif COVID-19 melalui saringan bergejala pada 04 April 2021. Daripada 72 orang kontak rapat yang disaring, 22 orang dikesan positif COVID-19. Saringan komuniti di Kg Gayang telah dijalankan secara aktif hingga kini. Berdasarkan penelitian, kes indeks telah menghadiri kenduri pada 28 Mac 2021 dengan anggaran tetamu lebih 30 orang.
- 6 Daripada 117 kes positif COVID-19, sebanyak 65 kes (55.6%) adalah berpuncak dari saringan kontak rapat, 14 kes (11.9%) saringan bergejala, 35 kes (29.9%) dari kluster baharu dan sedia ada serta tiga (3) kes (10.1%) dari lain-lain kategori.
- 7 Jumlah kapasiti katil 3,783 unit
- Hospital 527 unit
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,836 unit
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.
- Peratus penggunaan katil 21.52%.

B STATUS PKPP SABAH DILANJUT MULAI 15 HINGGA 28 APRIL 2021

Atas cadangan serta penilaian risiko oleh KKM, Kerajaan Negeri bersetuju, Sabah mengekalkan **status PKPP berkuat kuasa 15 April sehingga 28 April 2021** selaras dgn keputusan Kerajaan Persekutuan.

C PENAMATAN PKPD KAMPUNG RIMBAYAN, KENINGAU

- 1 Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan 304 ujian saringan dan daripada jumlah itu secara kumulatif sebanyak 43 kes positif COVID-19 telah direkodkan.
- 2 KKM mengesahkan baki kes aktif di lokaliti ini menunjukkan trend penurunan serta kesemua kes positif telah menerima rawatan.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menamatkan PKPD di Kampung Rimbayan, Keningau pada 15 April 2021 seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

D PELANJUTAN PKPD KAMPUNG RANGGU BATU 10, MUKIM BALUNG, TAWAU

- 1 Sehingga kini, Kementerian Kesihatan (KKM) telah melaksanakan 265 ujian saringan dan daripada jumlah itu, secara kumulatif sebanyak 66 kes positif COVID-19 telah direkodkan.
- 2 KKM mengesahkan terdapat 122 baki sampel saringan yang sedang menunggu keputusan dan penularan jangkitan COVID-19 masih berlaku di lokaliti ini.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju untuk melanjutkan PKPD di Kampung Ranggu Batu 10, Mukim Balung, Tawau bermula 15 April sehingga 28 April 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

E PELANJUTAN PKPD KAMPUNG BARU PASIR PUTIH, MUKIM SRI TANJUNG, TAWAU

- 1 Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan 847 ujian saringan dan daripada jumlah itu secara kumulatif sebanyak 68 kes positif COVID-19 telah direkodkan.
- 2 KKM mengesahkan terdapat 441 baki sampel saringan yang sedang menunggu keputusan dan masih berlaku penularan berterusan dalam kalangan penduduk kampung di kawasan PKPD
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju untuk melanjutkan PKPD di Kampung Baru Pasir Putih, Mukim Sri Tanjung, Tawau berkuatkuasa 15 April sehingga 28 April 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

F PELANJUTAN PKPD KAMPUNG SIMPANG 3A, MEROTAI BESAR, TAWAU

- 1 Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan 745 ujian saringan dan daripada jumlah itu secara kumulatif sebanyak 28 kes positif COVID-19 telah direkodkan.
- 2 KKM mengesahkan terdapat 696 baki sampel saringan yang sedang menunggu keputusan dan masih berlaku penularan berterusan dalam kalangan penduduk kampung di kawasan PKPD.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju untuk melanjutkan PKPD di Kampung Simpang 3A, Merotai Besar, Tawau bermula 16 sehingga 29 April 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

G PKPD DI PASAR SIM-SIM & PERUMAHAN SIM-SIM, MUKIM BERHALA SERTA KAMPUNG SUNGAI OBAR, BATU 7, MUKIM SENTOSA, DAERAH SANDAKAN

- 1 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 38 ujian saringan di kawasan perumahan Sim-Sim dan daripada jumlah itu, secara kumulatifnya sebanyak 17 kes positif COVID-19 direkodkan.
- 2 Sebanyak 46 ujian saringan juga dilakukan di Kampung Sungai Obar, Batu 7, Mukim Sentosa, dan 10 kes positif telah direkodkan.
- 3 KKM mengesahkan berlaku peningkatan kes di lokaliti ini dengan kadar kebolehjangkitan adalah tinggi.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Flat Sim-Sim, Mukim Berhalas dan Kampung Sungai Obar, Batu 7, Mukim Sentosa, daerah Sandakan berkuat kuasa 14 April sehingga 27 April 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.
- 5 Pelaksanaan PKPD ini adalah untuk memudahkan KKM mengesan kontak rapat serta mengelak berlaku penularan COVID-19 dalam komuniti.

H PKPD TAMAN VILLA MAS, TAWAU

- 1 Setakat ini, KKM telah melakukan 42 ujian saringan dan daripada jumlah itu, secara kumulatifnya sebanyak tujuh (7) kes positif COVID-19 direkodkan.
- 2 KKM juga mengesahkan berlaku peningkatan kes secara mendadak dalam tempoh seminggu serta masih terdapat 35 ujian saringan masih menunggu keputusan
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Taman Villa Mas, Tawau, Sabah berkuat kuasa 14 April sehingga 27 April 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.
- 4 Pelaksanaan PKPD adalah untuk memudahkan KKM membuat pengesan kontak rapat sekali gus mengelak penularan kes ke lokaliti luar.

I PKPD DI KAMPUNG MELANGKAP TOMIS, KOTA BELUD

- 1 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan sebanyak 31 ujian saringan di lokaliti ini, dan daripada jumlah itu empat (4) orang daripadanya didapati positif COVID-19.
- 2 Atas nasihat dan penilaian risiko oleh KKM, Kerajaan Negeri hari ini bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Melangkap Tomis, Kota Belud bermula 14 April sehingga 27 April 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.
- 3 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM melaksanakan saringan secara bersasar ke atas semua penduduk bagi memastikan tiada jangkitan dalam komuniti luar.

J SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG. MERUNTUM, PUTATAN

SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Di Kg. Meruntum, Putatan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

K STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat ini, seramai **230** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **49,224** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin Pfizer BioNTech, seramai **574** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **41,749** orang.
- 3 Bilangan pendaftaran penerima vaksin hari ini sejumlah **4,326** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar setakat ini sebanyak **405,708** (mysejahtera 377,052 : laman web 28,433 : talian vaksinasi 223) bersamaan 21.7%.

L BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Sejumlah **300,930** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

M LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 59 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 19,043 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 86 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 59 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 13 kompaun dikeluarkan Polis Kontinjen Sabah kerana melanggar SOP COVID-19.
 - Tawau : satu (1) orang
 - Membawa penumpang berlebihan.
 - Kota Kinabalu : 11 orang
 - Lima (5) orang tiada penjarakan sosial dan enam (6) orang tidak memakai pelitup muka.
 - Kota Marudu : satu (1) orang
 - Merentas daerah atau negeri tanpa kebenaran
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 109 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 23 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiga (3) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.

- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 408 lokasi melibatkan seramai 197 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukrelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 128 anggota di 115 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan tiga (3) buah daerah iaitu Kinabatangan Sandakan dan Tawau.
- 7 Sejumlah 68 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 15 daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 84 hebahan di seluruh sabah.

N KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **96.7%**.

Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	98%
2	Kota Marudu	98%
3	Beluran	98%
4	Penampang	97.5%
5	Kudat	97%
6	Kota Belud	97%
7	Beaufort	97%
8	Keningau	97%
9	Papar	97%
10	Tenom	97%
11	Kunak	97%
12	Kinabatangan	97%
13	Kota Kinabalu	97%
14	Ranau	97%
15	Sandakan	96%
16	Tawau	96%
17	Semporna	96%
18	Tuaran	95.5%
19	Lahad Datu	95.5%

2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN**

MENTERI KEWANGAN II

13 APRIL 2021

LAMPIRAN A

Dikemaskini pada 13 April 2021



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG. MERUNTUM, PUTATAN, SABAH

Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas
--------------------	--------	---------------------------	--

Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
---------------------	-----------------------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawasan yang Terlibat	<ul style="list-style-type: none"> Kg. Meruntum, Putatan, Sabah
Tempoh Berkuatkuasa	13 April 2021 (mulai 12.01 pagi) sehingga 26 April 2021 (11.59 malam)
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA. Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup.

1



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG. MERUNTUM, PUTATAN, SABAH

Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas
--------------------	--------	---------------------------	--

Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat
---------------------	-----------------------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas									
Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none"> Semua penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah / kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM. Pengecualian hanya diberikan kepada seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD. Semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali: <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil.</th> <th>Premis Perniagaan</th> <th>Masa Beroperasi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Kedai Runcit / Mini Market</td> <td>6.00 pagi hingga 5.00 petang</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Pasar / Pasar bergerak</td> <td>6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja</td> </tr> </tbody> </table>	Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi	1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 5.00 petang	2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja
Bil.	Premis Perniagaan	Masa Beroperasi								
1.	Kedai Runcit / Mini Market	6.00 pagi hingga 5.00 petang								
2.	Pasar / Pasar bergerak	6.00 pagi hingga 2.00 petang Dua (2) kali seminggu sahaja								

*Tertakluk kepada arahan semasa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah

2



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG. MERUNTUM, PUTATAN, SABAH

<p>Aktiviti dibenarkan</p> <ul style="list-style-type: none"> Mendapatkan bekalan makanan. Mendapatkan rawatan kesihatan. <p>Aktiviti tidak dibenarkan</p> <ul style="list-style-type: none"> Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan. Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan. <p>Arahan tetap</p> <ul style="list-style-type: none"> Subseksyen 11 (3) Akta 342 Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM. Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT. Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. 	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Waktu Berkuatkuasa</th><th>24 Jam</th><th>Waktu Aktiviti Dibenarkan</th><th>Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas</th><th>Pergerakan Penduduk</th><th>Dibenarkan dengan bersyarat</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td align="center">AKTIVITI DAN PROTOKOL</td><td align="center"></td><td align="center"></td><td align="center"></td><td align="center"></td><td align="center"></td></tr> <tr> <th>Tindakan</th><th colspan="5">Penerangan Ringkas</th></tr> <tr> <td>Aktiviti di dalam Kawasan PKPD</td><td colspan="5"> <ul style="list-style-type: none"> Pengecualian diberikan dengan kebenaran PDRM untuk seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan: <ul style="list-style-type: none"> mengeluarkan duit dari mesin ATM / bank; dan membeli keperluan asas. Kekerapan kebenaran keluar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah bersama PDRM. Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM. Sebaua sekolah, masjid dan rumah ibadat lain ditutup sepanjang tempoh ini. Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan. KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat. Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri. </td></tr> </tbody> </table>	Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat	AKTIVITI DAN PROTOKOL						Tindakan	Penerangan Ringkas					Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none"> Pengecualian diberikan dengan kebenaran PDRM untuk seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan: <ul style="list-style-type: none"> mengeluarkan duit dari mesin ATM / bank; dan membeli keperluan asas. Kekerapan kebenaran keluar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah bersama PDRM. Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM. Sebaua sekolah, masjid dan rumah ibadat lain ditutup sepanjang tempoh ini. Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan. KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat. Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri. 				
Waktu Berkuatkuasa	24 Jam	Waktu Aktiviti Dibenarkan	Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas	Pergerakan Penduduk	Dibenarkan dengan bersyarat																				
AKTIVITI DAN PROTOKOL																									
Tindakan	Penerangan Ringkas																								
Aktiviti di dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none"> Pengecualian diberikan dengan kebenaran PDRM untuk seorang (1) wakil dari setiap rumah/kediaman untuk keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan: <ul style="list-style-type: none"> mengeluarkan duit dari mesin ATM / bank; dan membeli keperluan asas. Kekerapan kebenaran keluar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah bersama PDRM. Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM. Sebaua sekolah, masjid dan rumah ibadat lain ditutup sepanjang tempoh ini. Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan. KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat. Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri. 																								